

Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
Tajuk : MAJLIS PENYERAHAN CEK BAGI 'OPEN MINDS'  
Lokasi : TEATER SRI PENTAS, TV3, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 13-03-2000

Dunia yang kita diami ini di sini penuh dengan berbagai perkara yang mengkagumkan, tetapi lazimnya kita tidak sedar akan hakikat ini.

2. Ramai di kalangan kita mungkin telah belajar tentang keajaiban dunia yang dicipta oleh manusia dan boleh pula mengingat nama-nama dan lokasi ciptaan tersebut. Tetapi berapa ramai agaknya di antara kita yang boleh mengingati nama-nama dan lokasi keajaiban semulajadi.
3. Dalam konteks yang berbeza, bakat semulajadi yang ada pada kita semua adalah keajaiban hidup, tetapi ramai yang tidak menghargai anugerah ini dan ada pula yang menyalahgunakannya. Apa yang kita lakukan dengan bakat semulajadi kita, bagaimana kita memupuk bakat tersebut menggunakan berbagai cara yang memanfaatkan bukan sahaja diri kita sendiri tetapi insan sejagat, adalah cabaran terhebat yang dihadapi oleh seorang individu. Dan ini membawa saya kepada persoalan kehidupan itu sendiri.
4. Barangkali keajaiban semulajadi yang paling menakjubkan sebahagian besar di kalangan kita semua adalah kelahiran seorang anak. Tidak kira samada kita ibu atau bapa kepada bayi tersebut. Kegembiraan dan kekaguman di waktu kelahiran seorang bayi dikongsi bersama. Dan saya pasti bagi kebanyakan daripada kita, tempat dan persekitaran kelahiran seorang bayi akan kekal terukir di sanubari kita.
5. Satu lagi keajaiban dunia ialah sifat keprihatinan manusia yang sentiasa peka terhadap mereka yang memerlukan bantuan. Kita lebih mengenali sifat ini sebagai berperikemanusiaan.
6. Bertentangan dengan sifat tersebut adalah penindasan sesama manusia, yang selalu terdapat di kalangan individu yang berpandangan singkat dan tidak berperikemanusiaan, yang lebih mementingkan cita-cita dan kepentingan mereka sendiri.
7. Kita kadang-kadang mendengar kritikan seperti ini dilemparkan kepada syarikat-syarikat multi-nasional.
8. Oleh yang demikian, saya sangat mengalu-alukan sikap bertanggungjawab terhadap masyarakat yang ketara dan tersusun rapi yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat seperti Procter & Gamble. Dalam konteks ini jugalah, saya berbesar hati menerima jemputan menjadi penaung program Open Minds yang diilhamkan oleh pihak Procter & Gamble pada tahun lepas, yang bertujuan untuk memungut derma bagi pendidikan kanak-kanak istimewa Malaysia.
9. Keputusan pihak Procter & Gamble untuk menderma sebahagian peratusan penjualan kesemua produk-produk Procter & Gamble bagi tempoh dua bulan musim kemuncak jualan tahun lalu kepada program Open Minds adalah langkah murni yang patut dicontohi. Usaha yang patut dipuji ini, yang selaras dengan semangat 'Malaysia Boleh', telah berjaya meraih kutipan berjumlah RM1 juta dalam masa yang begitu singkat. Syabas saya ucapkan!
10. Seperti yang telah dinyatakan oleh Encik Shantanu, dana yang telah dikumpul melalui program Open Minds bagi tahun pertama yang baru sahaja tamat akan disalurkan ke arah menyediakan pembelajaran khusus yang diperlukan oleh kanak-kanak Malaysia yang menghadapi "autistic spectrum disorders", "down syndrome" dan "cerebral palsy", untuk membolehkan mereka membangunkan dan memaksimumkan potensi penghidupan mereka.
11. Seperti di negara-negara lain di seluruh dunia, terdapat beribu-ribu kanak-kanak Malaysia yang memiliki keadaan yang telah saya sebutkan tadi, yang boleh dibantu melalui penjagaan khas, untuk menikmati kehidupan yang bermakna.
12. Saya difahamkan, seramai satu dari setiap 500 orang kanak-kanak Malaysia, mungkin memiliki

keadaan tersebut.

13. Masalahnya ialah keadaan tersebut tidak semestinya dapat dikesan dan bantuan yang diperlukan kadang-kadang tidak dicari ataupun sukar didapati.

14. Hakikatnya, seperti kita, kanak-kanak yang mempunyai keadaan tersebut mempunyai bakat tersendiri yang harus dipupuk dan diberi galakan. Bezanya, kanak-kanak ini selalunya memerlukan lebih banyak masa, kesabaran, dedikasi dan kasih sayang daripada ibu bapa masing-masing dan juga guru-guru yang dilatih khusus untuk mendidik mereka untuk membangunkan kebolehan-kebolehan mereka yang tersembunyi.

15. Hasil pelaburan ini adalah individu-individu yang merangsang inspirasi dan telah berjaya mengatasi berbagai cabaran untuk mencapai kehidupan yang penuh dengan pencapaian dan kasih sayang.

16. Ganjaran bagi organisasi-organisasi dan orang perseorangan yang komited terhadap pembangunan kanak-kanak tersebut amat besar. Walaupun tugas menjamin masa depan setiap kanak-kanak ini sungguh mencabar, kegembiraan melihat mereka berjaya tidak terkira. Dalam lain perkataan, sungguh menakjubkan.

17. Open Minds mengajar kita mengenal dan menerima hakikat bahawa kanak-kanak istimewa berhak menerima bantuan bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing melalui pendidikan.

18. Saya difahamkan bahawa kakitangan Procter & Gamble telah mengaturkan kerja-kerja menyelaras program Open Minds ini di luar waktu kerja mereka, dengan sumbangan kreatif dan pengurusan diberi percuma oleh agensi-agensis pengiklanan dan perhubungan awam, organisasi media dan rakan sekutu yang telah lama berganding dengan pihak Procter & Gamble.

19. Ini adalah satu usaha murni bagi kebajikan seluruh rakyat Malaysia yang kita sanjung tinggi dan saya mengambil kesempatan mengucapkan selamat maju jaya kepada program Open Minds dalam memasuki tahun keduanya.

\*\*\*\*\*